

# Jangan terlepas pandang sisi lain kenderaan

Oleh MOHAMMAD  
NOORIZZUDDIN NOOH

“SAYANG anak tangan-tanganku, sayang isteri tinggal-tinggalkan,” namun apa yang perlu kita buat kalau kita sayang nyawa? Ada orang berkata, kalau naik kereta, kita pakai tali pinggang belakang. Mengapa? Kerana statistik menyatakan kebarangkalian penumpang belakang untuk menemui ajal adalah tinggi jika mereka tidak dilengkapi dengan tali pinggang tempat duduk belakang.

Apakah jenis kajian yang telah dijalankan sehingga golongan bertanggungjawab mampu mewujudkan satu fenomena baru di Malaysia di mana setiap penumpang belakang wajib menggunakan tali pinggang belakang?

Bukan itu sahaja, malah ada di antara mereka mencadangkan supaya dikuatkuasakan pula undang-undang bilangan maksimum penumpang kenderaan. Memang di negara maju mereka sudah lama menguatkuasakan undang-undang tersebut.

Sistem tersebut memang satu sistem yang wajar dipuji namun infrastruktur bagi menyokong peraturan tersebut di negara ini masih lagi di tahap negara dunia ketiga. Mengapa?

Pertama, jika ambil contoh di United Kingdom, undang-undang bilangan maksimum penumpang kenderaan boleh dikuatkuasakan kerana harga kenderaan yang amat rendah sehinggakan harga sebuah kenderaan terpakai di Malaysia boleh membeli sepuluh kenderaan terpakai yang sama di sana.

Perkara yang sama juga boleh kita lihat di Amerika Syarikat (AS) di mana anda boleh membeli kenderaan baru dengan harga RM40,000 sedangkan kenderaan yang sama di Malaysia dijual dengan harga RM140,000 dan ini sudah pun melalui pengiraan tukaran wang asing.

Ini bermakna, kuasa membeli masyarakat negara maju dari segi pembelian automotif adalah amat besar berbanding di negara ini dan ia menyebabkan mereka mampu untuk mempunyai lebih daripada satu kenderaan tanpa perlu dibebankan dengan sistem hutang sistematik seperti di negara ini.

Antara perkara yang boleh diperbaiki ialah sistem percukaian terhadap kenderaan dan barang-barang berkaitan kenderaan supaya harga kenderaan di atas jalan raya boleh digelar sebagai harga mampu milik.

Selain itu, kita juga boleh memperkenalkan sistem pajakan seperti yang digunakan di AS. Sistem ini sebenarnya amat bermakna jika diaplikasikan di Malaysia kerana masyarakat di negara maju tidak mengangap kenderaan sebagai aset, sedangkan masyarakat di sini menganggap bahawa kenderaan itulah harta mereka.

Jika persepsi masyarakat dapat diubah maka sistem pajakan tiga tahun seperti yang diperkenalkan di AS boleh digunakan oleh institusi kewangan di negara ini.

Kedua, dalam penguatkuasaan pemakaian tali pinggang belakang, mengapakah hanya diwajibkan kepada penumpang kereta dan bukannya dikuatkuasakan juga kepada penumpang pengangkutan awam

tanpa henti seperti bas ekspres dan bas persiaran.

Bukankah nyawa mereka berharga juga? Selalunya jika berlakunya kemalangan bas ekspres, bukannya kebarangkalian penumpang di beberapa barisan hadapan akan menemui ajal disebabkan kesan inersia bas ekspres tersebut? Mengapakah perlu ada *double standard* dalam hal ini?

Ketiga, memandangkan kita berbicara mengenai manusia, adakah pihak bertanggungjawab sudah melakukan kajian dari pelbagai aspek selain dari kajian kuantitatif persepsi?

Jika kita berbincang mengenai manusia, perasaan dan emosi adalah lebih baik juga kita masukkan elemen kajian kualitatif seperti menemu bual masyarakat, mengadakan sesi *focus group*, melakukan kajian kes, dan kemungkinan juga digabungkan penggunaan kaedah kajian lain supaya hasilnya lebih terperinci dan menyeluruh.

Keempat, syarikat-syarikat pengeluar kenderaan juga perlulah mengambil pendekatan yang beretika sebagai contoh dengan memasang tali pinggang belakang secara percuma.

Setakat ini, saya difahamkan bahawa tindakan memasang tali pinggang belakang secara sukarela dan percuma hanya dilaksanakan oleh beberapa syarikat sahaja dan tidak secara menyeluruh.

Selain itu perkataan ‘beg udara’ masih lagi asing di negara ini? Mengapa pengeluaran kenderaan di negara ini tidak menjadikan beg udara sebagai peralatan keselamatan standard bagi setiap kenderaan keluaran mereka?

Perkara ini pelik kerana konsep *economies of scale* menyatakan jika kita beli banyak maka harga akan turun, jadi jika mereka membeli banyak beg udara, maka kos bahan dan pemasangan akan turun dan ini boleh diserapkan ke dalam harga jualan kenderaan tersebut.

Selain itu, mengapakah kenderaan daripada model yang sama dijual di negara luar mempunyai beg udara sebagai peralatan standard? Sekali lagi, adakah berlakunya *double standard* di sini? Adakah nyawa pemandu dan penumpang kenderaan di luar negara lebih mahal daripada nyawa masyarakat kita?

Akhir sekali, penguatkuasaan undang-undang merupakan satu sistem rangkaian yang menyeluruh di mana satu pindaan kepada sistem tersebut memerlukan pindaan terhadap komponen-komponen lain dalam sistem itu.

Jangan disebabkan kita mahu jadi johan dalam memperkenalkan undang-undang baru maka kita terlepas pandang terhadap komponen-komponen lain.

Golongan yang membuat keputusan perlu meletakkan diri mereka dalam keadaan masyarakat marhaen supaya kita memandang sesuatu perkara melalui kaca mata yang sama.

□ MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).